

18 MAR 2002

Mahathir-Pengubahan

DR M JEMPUT SYARIKAT JERMAN BANTU UBAH EKONOMI M'SIA

Oleh: Abdul Muin Abdul Majid

MUNICH, 18 Mac (Bernama) -- Beberapa jam selepas tiba di ibu negara Bavaria ini dalam rangka lawatan rasmi tiga hari ke Jerman, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terus memulakan usaha menarik ahli-ahli perniagaan Jerman melabur di Malaysia.

Semasa berceramah di Forum Perniagaan Malaysian-Jerman di sini, Perdana Menteri menyeru mereka supaya melabur dalam industri teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) di Malaysia, dengan berkata Jerman boleh memainkan peranan penting dalam pengubahan ekonomi Malaysia.

Beliau berkata in berdasarkan kepada kekuatan Jerman sebagai pemimpin Dunia dalam ICT dan kejuruteraan kepersisian dan juga sejarah perindustriannya yang kaya.

Malaysia, kata Dr Mahathir, ialah sebuah negara dengan wawasan, aspirasi tinggi dan cita-cita dan mahu menjadi sebuah negara maju menjelang 2020 seperti dalam Wawasan 2020.

"Kami percaya ada banyak yang kami boleh belajar daripada Jerman dan kami juga percaya Jerman mempunyai keupayaan untuk memainkan peranan signifikan dalam ekonomi kami dan dalam merealisasikan wawasan kami," kata beliau dalam ucap tama bertema "Merealisasi Satu Wawasan: Cara Malaysia" di forum itu yang diadakan di hotel Hilton Munchen Park.

Sebelum tiba di sini, pagi ini, Dr Mahathir melakukan lawatan peribadi ke Stuttgart dan Dusseldorf selepas melawat Russia pada 14 dan 15 Mac. Beliau akan melawat Poland selepas ini, iaitu destinasi terakhir dalam rangka lawatan ke tiga negara.

Semasa berceramah di hadapan lebih kurang 300 hadirin termasuk lebih 200 ahli perniagaan Jerman, beliau berkata mereka boleh mendapat manfaat besar dengan melabur dalam projek Koridor Raya Multimedia (MSC) Malaysia.

Dr Mahathir berkata para teknokrat Jerman boleh menggunakan aplikasi perdana MSC dan firma-firma teknologi tinggi Jerman boleh juga meninjau pilihan meluas termasuk membentuk konsortium untuk membangunkan aplikasi baru.

Aplikasi perdana itu termasuk kerajaan elektronik, tele-perubatan, sekolah bistari, kad berbilang guna, kelompok-kelompok penyelidikan dan pembangunan, rangkaian perkilangan seluruh dunia dan pusat-pusat pemasaran tanpa sempadan.

Beliau berkata mereka boleh juga menempatkan aktiviti R&D dalam MSC, menggunakannya sebagai pangkalan pemasaran serantau atau global dan menempatkan pekerja-pekerja Jerman yang mahir di situ untuk menggunakan kemudahan yang terdapat di MSC dalam mengeluarkan teknologi canggih dan penemuan baru bagi generasi akan datang.

MSC kini mempunyai 646 syarikat, lebih daripada 500 yang disasarkan menjelang 2003.

Dr Mahathir berkata Jerman juga boleh membantu Malaysia mencapai sasaran yang ditetapkan dalam Pelan Induk Perindustrian Kedua dengan melabur dalam industri perkilangan tambah nilai dan sektor teknologi, dan pada masa yang sama memudahkan pemindahan pengetahuan teknologi.

Perdana Menteri berkata, pelabur-pelabur asing selalunya mendapati Malaysia sebuah tempat yang menarik untuk melabur, dengan kerajaan Malaysia terus mengekalkan persekitaran mesra pelaburan dan pro-perniagaan.

"Kami juga stabil daripada segi politik, dan sangat konsisten. Tidak akan berlaku perubahan mendadak di Malaysia," dan menambah kata kemerdekaan Malaysia bukan berhasil daripada nasionalisme yang meminta pegangan asing

dimiliknegarakan.

Beliau berkata, sebaliknya, Malaysia menjemput penyertaan asing yang lebih besar dan ia menerima sistem pasaran terbuka dan terus menyediakan infrastruktur bertaraf dunia dan juga persekitaran perniagaan yang kondusif bagi pertumbuhan dan keuntungan.

Dan walaupun berbilang kaum dan berbilang agama, beliau berkata, Malaysia berjaya mengekalkan keharmonian kaum dan agama dan mengelakkan sikap tidak boleh bertolak ansur yang dapat dilihat di banyak negara berbilang kaum.

Dr Mahathir berkata pelabur Jerman perlu menimbangkan Malaysia memandangkan prospek dan potensi yang baik dan menyaksikan pelaburan asing sebanyak US\$4.8 bilion (RM18.24 bilion) disalurkan ke sektor perkilangan di Malaysia tahun lepas, yang daripadanya Jerman merupakan pelabur asing kelapan terbesar daripada segi pelaburan yang diluluskan.

"Angka itu membuktikan kedudukan Malaysia sebagai sebuah pusat pelaburan yang cemerlang di rantau. Lawatan ini saya berharap akan membawa kepada lebih banyak pelaburan Jerman di Malaysia," kata beliau.

Dr Mahathir juga berkata jumlah perdagangan antara Malaysia dan Jerman bernilai US\$4.8 bilion (RM18.24 bilion) tahun lepas dan Jerman merupakan rakan perdagangan terbesar Malaysia di kesatuan Eropah sejak tahun 2000.

Perdana Menteri juga berkongsi pengalaman Malaysia dengan para hadirin dalam menghadapi krisis ekonomi dan kewangan yang melanda rantau pada 1997.

Dalam menangani masalah itu, beliau berkata, Malaysia mengambil langkah-langkah yang dianggap gila bagi sebuah negara membangun dengan pengaruh di kalangan gergasi-gergasi ekonomi, dan berjaya keluar daripada kemelut ekonomi itu menggunakan kaedahnya sendiri.

Beliau berkata, oleh kerana apa yang boleh dianggap sebagai pragmatisme Malaysia, ia kini kembali kelaluan untuk merelisasi Wawasan 2020.

"Hari ini, apabila kami menoleh kembali, kami rasa usaha kami berbaloi dengan Malaysia muncul lebih baik daripada krisis itu berbanding jiran-jirannya," kata beliau lagi.

Selain daripada menghadiri forum perniagaan itu, Dr Mahathir dijadualkan menemui penuntut-penuntut Malaysia dan menghadiri majlis makan malam yang dianjurkan oleh Perdana Menteri Negeri Bavaria, Dr Edmund Stoiber.

Dalam lawatannya itu Perdana Menteri diiringi oleh isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali.

Mereka dalam delegasi Malaysia termasuk Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz, Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia Datuk Amar Leo Moggie, Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Mohamed Ali Rustam, Menteri Besar Selangor Datuk Seri Mohamad Khir Toyo, dan juga wakil-wakil sektor swasta Malaysia.

-- BERNAMA

MAM DC MFJ PR